

# ‘Pasti ada ahli politik lompat parti saat akhir’

Penganalisis tak tolak ada penyandang ambil kesempatan sebelum hari penamaan calon

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penganalisis politik meramalkan akan ada penyandang kerusi Parlimen mengambil kesempatan sekarang untuk melompat parti, khususnya pada saat-saat akhir sebelum hari penamaan calon Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Penganalisis politik dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain tidak menolak penyandang kerusi Parlimen daripada BERSATU akan melompat ke parti lain, berdasarkan ‘trend’ keluar parti dalam kalangan pemimpinnya.



Penganalisis politik berpendapat walaupun ada ruang dan peluang melompat ke parti lain, ia tidak akan mencetuskan gelombang keluar parti besar-besaran.

(Foto hiasan)

“Tidak dinafikan mungkin akan ada Ahli Parlimen yang melompat parti (setelah Parlimen dibubarkan) jika ada ruang sebegini, khususnya pada saat-saat akhir sebelum penamaan calon.

“Ia untuk survival politik mereka dan jika berasib baik, boleh dipilih sebagai calon PRU. Mungkin tidak yakin partinya akan menang dalam PRU, mereka pun pin-

dah parti.

“Saya menjangka mungkin daripada BERSATU khususnya kerana berdasarkan sejarah, mereka pun melompat dari UMNO. Baru-baru ini pun, ada pemimpin BERSATU masuk PKR kerana lebih mudah diterima berikutan keahliannya lebih terbuka,” katanya kepada BH.

Felo Kanan Akademi Penyeli-

dikan Strategik Nusantara (NASR), Dr Azmi Hassan, berpandangan walaupun ada ruang dan peluang pemimpin melompat ke parti lain selepas Parlimen dibubarkan, ia tidak akan mencetuskan gelombang keluar parti besar-besaran.

Alasannya, beliau berkata, penyandang kerusi Parlimen yang melompat parti tidak membawa

‘Ia untuk survival politik mereka dan jika berasib baik, boleh dipilih sebagai calon PRU’

Dr Mohd Izani Mohd Zain,  
Penganalisis politik dari UPM



apa-apa kelebihan atau faedah besar kepada parti baharu kerana mereka bukan lagi Ahli Parlimen.

“Katakan yang berada dalam BERSATU ingin melompat ke dalam UMNO. Sudah pasti tujuh, lapan kerusi (Parlimen) yang pernah disandang akan dipertahan oleh mereka yang nak melompat ini.

“Jika tidak, kenapa nak melompat? Masalahnya akan ada isu dalam kalangan ahli UMNO yang tetap setia dengan UMNO. Jadi sebenarnya, ia tidak memberi faedah kepada UMNO untuk menerima kerana mereka yang melompat tidak membawa penyokong secara besar-besaran.

“Tambah pula nak dekat PRU, memang tak ada parti yang akan menerima keanggotaan mereka,” katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan pembubaran Parlimen pada 10 Oktober lalu.